

13/05/1999

Dr Mahathir akan mohon batalkan saman Anwar

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengemukakan permohonan untuk membatalkan saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menuntut ganti rugi RM100 juta berikutan kenyataannya yang didakwa menghina bekas timbalan perdana menteri itu.

Perdana Menteri juga akan mengemukakan permohonan untuk meminda pernyataan pembelaannya yang difailkan pada 22 Mac lalu.

Permohonan itu akan difailkan sebelum Mahkamah Tinggi memulakan pengurusan kes yang sudah ditetapkan oleh Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam pada 12 Julai ini.

Dalam saman malunya ke atas Dr Mahathir pada 25 Januari lalu, Anwar juga memohon perintah menghalang Dr Mahathir atau wakilnya daripada terus mengeluarkan kenyataan atau membuat ulasan mengenai beliau.

Anwar mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang memfitnahnya di depan wartawan tempatan dan asing pada sidang akhbar pada 22 September.

Menurutnya, Dr Mahathir mengetahui kenyataan itu akan disiarkan oleh media tempatan dan luar negara.

Sehubungan itu, katanya, wartawan Newsweek, Dorinda Elliot, menulis artikel bertajuk 'Here's mud in your face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's' berdasarkan kepada kenyataan Dr Mahathir itu.

Anwar mendakwa artikel itu disiarkan pada halaman 24 majalah Newsweek keluaran 5 Oktober 1998 dan diedarkan secara meluas di Malaysia dan seluruh dunia.

Menurutnya, artikel itu juga disiarkan oleh akhbar The Sun pada halaman dua 23 September 1998 bertajuk: 'Anwar's behaviour despicable: PM' dan CNN International serta beberapa stesen televisyen dan radio.

Dalam pembelaannya, Dr Mahathir berkata, sebagai Perdana Menteri beliau mempunyai perlindungan bersyarat apabila mengeluarkan kenyataan yang didakwa menghina Anwar.

Katanya, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi menjawab balik kenyataan bekas timbalan perdana menteri itu yang dibuat di khalayak ramai serta menerusi sidang akhbar.

Beliau memfailkan pernyataan pembelaan itu tanpa mudarat haknya untuk mengemukakan permohonan bagi membatalkan saman malu itu mengikut Aturan 18 Kaedah 19 (1) (a) (b) (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan dibacakan bersama bidang kuasa sedia ada mahkamah berkenaan.

Perdana Menteri berkata, Anwar selepas dilucutkan jawatan daripada Kabinet pada 2 September tahun lalu dan dipecat daripada Umno sehari selepas itu, membuat kenyataan menyerangnya, kerajaan Malaysia dan Umno, parti yang Dr Mahathir menjadi presiden.

Menurutnya, Anwar mengeluarkan kenyataan pada 3 September bagi menjawab affidavit yang difailkan dalam kes Datuk S Nallakaruppan dan dia menafikan tohmahan dalam affidavit serta mendakwa ada konspirasi politik peringkat tertinggi menjatuhkannya.

Pada 4 September, dalam perhimpunan di rumahnya Anwar membuat ucapan di depan media tempatan dan asing. Sekali lagi, dia mengulangi dakwaan ada konspirasi politik menjatuhkannya.

Anwar juga memberitahu wartawan akhbar The Sun pada 4 September bahawa jentera kerajaan seperti Peguam Negara dan polis digunakan untuk membuat tuduhan palsu terhadapnya.

Bekas menteri kewangan itu pada 18 September mencabar Dr Mahathir supaya

meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan mendakwa Dr Mahathir marah apabila dia (Anwar) meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi membangkitkan isu kronisme, nepotisme dan rasuah dalam perhimpunan agung Umno.

Dr Mahathir mendakwa, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi melaksanakan kewajipan sosial dan moral kepada rakyat negara ini bagi memastikan ketenteraman dan keselamatan awam serta menjamin keselamatan rakyat.

(END)